

30 SEP 1999

Agong-Perutusan

AGONG HANTAR PERUTUSAN KEPADA PRESIDEN JIANG ZEMIN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden China, Jiang Zemin sempena ulang tahun ke 50 penubuhan Republik Rakyat China.

"Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah turut serta dalam mengucapkan tahniah dan berharap hubungan dua hala sedia ada antara Malaysia dan China akan diperkukuhkan lagi," titah baginda.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya di China, Zhu Rongji berkata, Malaysia kagum dengan kemakmuran berterusan yang dicapai oleh China sejak 50 tahun lepas.

"Kebijaksanaan dan pragmatisme pada pemimpin-pemimpin China dan rakyatnya telah menjadikannya sebuah negara yang dinamik dan moden. Saya dapat melihat perubahan ini semasa lawatan-lawatan saya ke negara anda, termasuk pada Ogos lepas," katanya.

Beliau yakin yang China akan mencapai pembangunan dan kemakmuran yang lebih lagi apabila masuk ke abad ke 21 dan Malaysia sentiasa bersedia menjadi rakan China demi kepentingan bersama kedua-dua negara dan rantau.

"Krisis kewangan yang membawa kesan buruk kepada Asia Timur menunjukkan pentingnya kerjasama rapat antara negara-negara di rantau ini," dan Dr Mahathir mengulangi penghargaannya kepada China kerana tidak menurunkan nilai mata wangnya yuan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Syed Albar dalam perutusan lebih kurang sama kepada rakan sejawatannya Tang Jiaxuan berkata, hubungan dua hala antara kedua-dua negara perlu dipertingkatkan lagi.

-- BERNAMA

ARA PR